

Saya sangat senang dengan Jokowi - PM Najib
Astro Awani
Ogos 6, 2016

JAKARTA: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata hubungannya dengan Presiden Joko Widodo atau lebih mesra dengan panggilan Jokowi adalah sangat rapat dan selesa untuk bekerjasama bagi memperkukuhkan lagi hubungan Malaysia-Indonesia.

"Saya sangat senang dengan Jokowi. Saya lihat keterbukaannya, saya lihat keikhlasannya. Dalam banyak isu kami mempunyai perspektif yang sama," katanya dalam wawancara eksklusif dengan Metro TV, di sini malam tadi.

Katanya, beliau mengenali Jokowi sebagai "*people's man*," atau mengutamakan rakyat, sebelum menjadi presiden lagi dan setelah menjadi presiden sedar betapa pentingnya bagi kedua-dua buah negara bekerjasama seerat mungkin.

Beliau berkata walaupun terdapat beberapa isu antara dua negara yang harus diselesaikan seperti masalah perbatasan maritim dan penangkapan nelayan Malaysia oleh pihak berkuasa Indonesia namun ia diselesaikan secara baik dan tidak menjejaskan hubungan antara kedua-dua negara.

"Walaupun ada beberapa masalah misalnya, kita harus mencari penyelesaian yang tuntas dalam soal perairan maritim, soal nelayan kita yang ditangkap oleh Indonesia. Ini isu praktikal yang tidak membawa hambatan (rintangan terhadap) hubungan Indonesia dan Malaysia," katanya.

Ditanya mengenai penerimaan rakyat terhadap kepimpinannya sebagai perdana menteri, Najib berkata setakat ini beliau bersyukur kerana apabila turun padang ramai yang memberi sambutan kepadanya.

"Saya berjumpa dengan rakyat dan saya melihat sambutan agak hangat bila saya turun dan Alhamdulillah sehari dua ini dari segi hubungan dengan rakyat saya rasa senang

hati. (Walaupun ada pelbagai tuduhan) itu biasa dalam politik, itu adat resam politik tetapi hakikatnya kita mesti mendapat sokongan dan keyakinan rakyat jelata," katanya.

Perdana menteri berkata walaupun beliau terpaksa mengambil tindakan yang tidak popular seperti langkah rasionalisasi subsidi minyak, tetapi beliau yakin akhirnya rakyat akan memahami tindakan itu adalah keputusan yang tepat untuk kepentingan negara.

Ditanya mengenai kejayaan Malaysia membanteras aktiviti pengganas, Najib berkata ia adalah kerana Malaysia percaya kepada tindakan 'pre-emptive' atau pencegahan awal dengan memberi kuasa kepada mahkamah untuk menjatuhkan hukuman.

"Kita perlu melakukan (membanteras keganasan) melalui berbagai cara. Pertamanya kita mesti menyedari ia adalah sebagai suatu ancaman yang nyata dan berikan kuasa pre-emptive kepada pihak berkuasa untuk ambil tindakan, jangan beri kuasa pre-emptive kepada eksekutif," katanya.

Katanya, dengan cara itu pihak berkuasa dapat menahan sesiapa sahaja yang disyaki cuba melakukan aktiviti pengganas dan membawa bukti itu ke mahkamah tanpa menunggu sesuatu untuk berlaku.

Beliau berkata, jika kerajaan menunggu sesuatu untuk berlaku dan baru hendak mengambil tindakan, ia pastinya sudah terlambat serta telah memberi kesan buruk kepada masyarakat dan negara.

Tag: [Najib Tun Razak](#), [Presiden Joko Widodo](#), [hubungan Malaysia-Indonesia](#), [langkah rasionalisasi subsidi minyak](#), [aktiviti pengganas](#), [perbatasan maritim](#), [penangkapan nelayan](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/saya-sangat-senang-dengan-jokowi-pm-najib-113193>